

Sejauh Mana Peranan Agama Dalam Politik Malaysia

**Badrul Azmier Mohamed @ Bakar, Mujibu Abd Muis, & Zaliha Hj.
Hussin**

Ramai sarjana dan ahli politik Malaysia berpandangan Tsunami Politik pada 8 Mac 2008 didakwa sebagai titik mula bagi perubahan dalam landskap politik Malaysia. Agama yang sekian lama menjadi elemen terpenting dalam politik Malaysia yang perkauman dilihat semakin kurang peranannya. Politik Malaysia pasca Tsunami Politik dilihat lebih 'sekular', 'buta warna' atau tidak komunal. Bersandarkan keputusan pilihan raya umum 8 Mac 2008 dan pelbagai pilihanraya kecil yang kebanyakannya lebih memihak kepada Pakatan Rakyat, agama dilihat semakin hilang peranan dalam politik Malaysia. Begitu juga dengan penggunaan agama dalam memasarkan politik, parti-parti yang dahulunya begitu cenderung dalam menggunakan agama bagi beroleh sokongan nampaknya memilih pendekatan lembut berbanding radikal. Justeru itu, kajian ini cuba melihat sejauh mana agama memainkan peranan dalam politik Malaysia secara menyeluruh.

Kata kunci: Agama, Politik, Politik Malaysia, Primordialisme, Pertembungan Peradaban

1.0 PENGENALAN

Agama memainkan peranan penting dalam politik Malaysia. Sebagaimana Huntington (1993, 1997) yang mengenal pasti agama adalah asas budaya dan peradaban, maka begitulah juga peranan agama dalam setiap sektor kehidupan di Malaysia. Selain majmuk dari sudut agama, Malaysia juga majmuk dari sudut ras, bahasa dan budaya. Tetapi

pendekatan kaum mendominasi sebarang wacana dan analisis terhadap sebarang isu yang melibatkan politik Malaysia. Justeru, kelompok masyarakat dikenali sebagai Melayu, Cina, India dan “dan lain-lain”. Tetapi sekiranya pendekatan agama digunakan, maka dapat dikenal pasti wujud empat agama atau budaya terbesar yang boleh dikenal pasti memainkan peranan penting dalam politik Malaysia. Masing-masing adalah, Islam, Konfucionisme, Hindu dan Kristian. Kewujudan pelbagai agama secara langsung dan tidak langsung yang mempengaruhi perilaku aktor-aktor politik di Malaysia. Menyorot sejarah pembentukan Malaysia sebagai sebuah negara-bangsa, Malaysia adalah sebuah masyarakat yang menepati ciri-ciri Masyarakat Majmuk oleh Furnivall (1931). Walaupun setiap kelompok berada di dalam entiti politik yang sama tetapi interaksi dan komunikasi adalah terhad yang menyebabkan kurang integrasi. Melihat kepada primordialisme oleh Geertz (1963) dan Pertembungan Peradaban oleh Huntington (1993, 1997), perbezaan atas asas agama yang primordial menjelaskan konflik dan persaingan dalam sesebuah masyarakat.

Penulisan ini membincangkan isu agama dengan kajian secara literatur ke atas Malaysia. Penulisan-penulisan terdahulu serta isu-isu yang dipaparkan di media arus perdana dan media alternatif diguna bagi membantu analisis. Analisis pula dipandu dengan pemahaman tentang peranan agama oleh pendekatan-pendekatan seperti primordialisme (Geertz 1963) dan Pertembungan Peradaban (Huntington 1993, 1997). Seterusnya penulisan ini cuba menonjolkan bahawa agama bukan sekadar elemen dalam model-model yang dinyatakan, tetapi ia boleh berdiri sendiri sebagai sebuah pendekatan sebagaimana pendekatan kaum dan kelas yang boleh digunakan bagi menganalisis politik Malaysia.

Lantaran itu, pengoperasian agama sebagai satu pendekatan dijalankan bagi menganalisis isu-isu kontemporari politik Malaysia. Antaranya, peranan agama dalam menghadapi globalisasi yang menyeragamkan identiti dan budaya dunia. Akhirnya, perbincangan memfokuskan

kepada keberkesanan polisi sebagai langkah penyelesaian. Kesemua isu ini dibincangkan dalam konteks Malaysia di samping contoh-contoh lain sebagai perbandingan.

2.0 AGAMA DAN NASIONALISME

Menerusi pelbagai kajian dan penulisan yang telah dilakukan kepada politik Malaysia, agama dikenal pasti antara elemen primordialisme terpenting yang membentuk identiti sesebuah kelompok yang selalu diistilahkan sebagai kaum. Namun, menyorot sejarah, peranan agama lebih jelas dalam pembentukan identiti bagi kaum Melayu dan India berbanding Cina dan “dan lain-lain”. Sebagai contoh, definisi Melayu yang ketat dalam Perlembagaan Malaysia di mana menjadi Muslim adalah pra-syarat kepada identiti kemelayuan. Hal ini menjelaskan bagaimana seseorang yang berketurunan Melayu atau dari ras Melayu adalah bukan Melayu sekiranya tidak beragama Islam. Kes Lina Joy, jelas memperincikan peranan agama yang jelas adalah salah satu elemen primordial yang berperanan besar.

Islam memainkan peranan terpenting dalam pembentukan identiti Melayu. Begitu juga peranan Hindu bagi komuniti India. Oleh yang demikian, sebagai elemen primordial yang sangat penting bagi pembentukan identiti kaum, agama bukan hanya menjadi pra-syarat identiti atau elemen teras bagi pembentukan ideologi nasionalisme bagi sesebuah kaum. Agama menjadi unsur penting bagi sosiologi, komunikasi dan strategi politik. Hal ini sama sekali bertentangan dengan prinsip-prinsip demokrasi dan sekular yang didakwa menjadi dukungan negara dan masyarakat United Kingdom.

Bagi kaum Melayu, Islam memainkan peranan yang sangat besar dalam pembentukan nasionalisme Melayu. Ini seiring dengan hujah Huntington (1997) yang menyatakan bahawa agama menjadi teras budaya dan seterusnya mempengaruhi setiap aspek dalam hidup manusia seperti politik, ekonomi dan sosial. Kekuatan pengaruh agama dikemukakan

menerusi konsep pertembungan peradaban (Huntington 1997). Agama dikenal pasti oleh Huntington (1997) sebagai asas pembentukan peradaban. Oleh yang demikian, agama berperanan membentuk asas pemikiran, budaya, dan segala aspek yang berkaitan dengan pembentukan peradaban. Hal ini menjelaskan pembentukan identiti kaum di Malaysia. Islam membentuk Melayu, Konfucionisme membentuk identiti Cina, dan Hindu membentuk identiti India. Oleh itu, sebarang perbezaan akibat perbezaan agama mampu melahirkan konflik.

Peranan serta pengaruh agama membentuk nasionalisme kaum di Malaysia. Peranan agama dalam kehidupan warga Malaysia adalah besar. Menurut Malaysia adalah satu-satunya negara di dunia yang mendefinisikan kaum menggunakan agama dan ia diletakkan dalam perlembagaan. Oleh itu, perbezaan agama menjadikan persaingan politik tiada penghujungnya. Islam adalah agama terbesar di Malaysia. Tetapi apabila keseluruhan penduduk bukan Islam disatukan, penganut Islam menjadi kurang separuh daripada keseluruhan populasi. Kerencaman masyarakat Malaysia adalah hasil penghijrahan populasi dari selatan China dan selatan India ketika pentadbiran British. Hal tersebut telah membentuk landskap politik Malaysia sehingga ke hari ini.

Oleh yang demikian kerencaman Malaysia selari dengan konsep “garis gelinciran¹” oleh Huntington (1997: 252-254). Ia merujuk kepada negara-negara yang berpotensi berpecah akibat warisan kerencaman yang berasaskan perbezaan peradaban yang diasaskan oleh perbezaan agama. Masyarakat di zon garis gelinciran terdedah kepada pelbagai konflik memecah. Analoginya, seperti gunung berapi yang menunggu masa untuk meletus. Ia merupakan fenomena alam yang biasa di zon

¹ Garis gelinciran merujuk kepada istilah bahasa Inggeris iaitu “*fault line*”. Ia merupakan istilah geografi yang merujuk kepada garisan pertembungan antara dua atau lebih pentas yang mengkomposisi kerak bumi. Pergerakan pentas menyebabkan berlaku gelinciran yang selalu berlaku di garis gelinciran. Garis gelinciran menyebabkan pelbagai fenomena alam seperti gempa bumi, gunung berapi dan tsunami. Antara kawasan yang terkenal berada di atas garis gelinciran adalah Lingkaran Api Pasifik yang meliputi pulau Sumatera, Jawa, Sulawesi, kepulauan Filipina, Jepun, Alaska sehinggalah pergunungan Andes di Amerika Selatan.

garis gelinciran. Masyarakat garis gelinciran mungkin nampak tenang, namun terdedah kepada konflik yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan mungkin tanpa sebarang amaran.

Oleh itu, dalam persaingan politik yang dilabelkan sebagai politik kaum, agama dilihat sebagai faktor terpenting yang mencirikan ideologi nasionalisme setiap kaum. Walaupun, tidak dilabel sebagai etno-nasionalisme, yang jelas setiap kelompok memperjuangkan kepentingan masing-masing menerusi nasionalisme. Ia selaras dengan kenyataan Huntington (1997) berkenaan agama yang mendasari segala bentuk pemikiran, politik, ekonomi, budaya malah peradaban. Oleh itu, Islam dikenal pasti sebagai asas kepada ideologi yang dipegang oleh dua parti politik Melayu iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Walaupun UMNO dilihat kurang Islamik berbanding PAS, Islam tetap memainkan peranan penting untuk UMNO. Ia dapat dilihat dari pelbagai strategi politik, kempen politik dan corak pembuatan keputusan yang diambil.

Agama yang kononnya bersifat menyatu dan berfungsi untuk menyatu dilihat menggalakkan kesedaran tentang perbezaan. Sebagaimana yang telah disebutkan, dalam nasionalisme Melayu, Islam memiliki kedudukan yang sangat istimewa. Malah ia disebut dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan menerusi Perkara 153. Menganuti Islam ialah salah satu pra-syarat bagi memastikan kemelayuan seseorang. Begitu juga dengan sistem monarki berperlembagaan yang mana raja-raja Melayu adalah ketua agama Islam. Hasilnya, Islam kelihatan begitu eksklusif untuk orang Melayu sahaja. Malah wujud pandangan yang melihat menganuti Islam oleh kaum lain bermakna menjadi Melayu.

Oleh yang demikian, agama yang di antaranya menyeru kepada perdamaian, berbaik sangka, toleransi, dan perpaduan seolah kini merangsang kepada perpecahan hanya kerana berbeza agama. Apa yang menarik di Malaysia adalah kedudukan agama dalam politik. Hal ini

membawa kepada penghujahan sama ada agama sebagai alat ataupun matlamat. Kedudukan agama ini pula memecahkan sesebuah kelompok sebagaimana kewujudan dua parti politik untuk orang Melayu iaitu PAS dan UMNO. Justeru, muncul perdebatan mengenai agama yang boleh dikenal pasti sama ada Islam benar-benar diperjuangkan sebagai satu kepentingan atau sentimen Islam dipergunakan bagi keuntungan politik sesebuah parti itu.

Perbezaan pandangan dalam mengamalkan agama menyebabkan kaum Melayu secara kasarnya terpecah dua. Akhir-akhir ini pula ada pula yang berpandangan kaum Melayu berpecah tiga. Perpecahan tersebut adalah menurut perspektif politik kepartian di Malaysia kerana terdapat 3 parti terbesar yang dianggotai oleh orang Melayu iaitu UMNO, PAS dan Parti KeAdilan Rakyat (PKR). Ketiga-tiga parti ini mempunyai ideologi masing-masing. UMNO berpegang kepada nasionalisme Melayu; PAS pula berjuang untuk memartabatkan Islam; manakala PKR yang liberal mahu membudayakan demokrasi di Malaysia.

Malahan, kerencaman populasi Malaysia pada hari ini adalah berikutan polisi pentadbiran British di Tanah Malaysia. Secara perbandingan dengan pengalaman era kolonial di Asia dan Afrika, ia ternyata tidak jauh berbeza. Fiji dan Afrika Selatan antara negara yang menjadi majmuk berikutan pengalaman kolonialisme British. Kerencaman oleh faktor-faktor warisan yang primordial seperti bahasa, agama, negara asal dan warna kulit disulitkan lagi oleh polisi pecah dan perintah. Hal ini menyebabkan kurang integrasi antara komuniti dalam masyarakat. Furnivall (1931) mengenal pasti ia sebagai punca utama kewujudan masyarakat majmuk. Malaysia menepati model masyarakat majmuk oleh Furnivall (1931) yang melihat ia sebagai sebuah masyarakat dalam satu unit politik yang sama tetapi tidak berintegrasi. Sehingga kini, kesalahan terhadap bentuk masyarakat yang sedia ada di negara-negara yang rencam ini diletakkan ke atas polisi-polisi pentadbiran British yang mengubah landskap tanah jajahannya sebagaimana yang diwacanakan

oleh Shamsul (1996) bagi kes Malaysia. Penjajah mengubah struktur masyarakat dan seterusnya menggunakan pendekatan pecah dan perintah bagi mewujudkan kesedaran tentang perbezaan antara kaum untuk memudahkan urusan pentadbiran.

3.0 AGAMA DAN DEMOKRASI

Walaupun demokrasi dan ekonomi pasaran bebas telah diperkenalkan dan diamalkan lebih dari setengah abad, namun ia masih belum membudaya di Malaysia. Hal ini kerana ia bukan berasal dari tradisi tempatan, ia adalah tradisi luar dari Eropah yang dibawa oleh pentadbiran British. Ia sejajar dengan kebanyakan negara-negara lain di Asia dan Afrika. Oleh yang demikian, model politiknya adalah tidak berasaskan ideologi yang berasaskan spektrum dari kanan ke kiri seperti kebanyakan negara-negara demokrasi maju.

Dalam konteks Malaysia, demokrasi yang membenarkan persaingan politik menyebabkan berlaku persaingan agama. Namun, persaingan agama tersebut dikenali sebagai persaingan antara kaum ataupun politik perkauman.

Oleh yang demikian, wujud kalangan sarjana yang menyatakan ia adalah kelemahan demokrasi. Ini kerana ia memberikan ruang kepada kemunculan politik kelompok yang sama ada berasaskan atau dipengaruhi agama yang sering dilabel sebagai politik perkauman. Pada masa kini, ia paling ketara berlangsung di era keruntuhan negara-negara komunis di Eropah timur seperti negara-negara bekas Kesatuan Soviet dan negara-negara tirai besi. Ia didakwa berupaya mengancam perpaduan dan kedaulatan sesebuah negara sebagaimana dibincangkan oleh Nodia (1994: 3-22). Namun, ada kalangan yang menyatakan ia diakibatkan oleh sifat dan fungsi agama itu sendiri yang cenderung kepada perpecahan berbanding penyatuan.

Dalam pada itu, dilema hubungan demokrasi dan agama pemecah paling signifikan melibatkan prinsip-prinsip yang mengimbangi pemerintahan oleh majoriti dan hak-hak minoriti. Inilah juga antara isu teras yang dikenal pasti sebagai membayangi politik perkauman di Malaysia. Ia berkenaan penyelarasan dan mencari pendekatan terbaik bagi mencapai titik keseimbangan yang diinginkan. Ia melibatkan pelbagai sektor seperti sosial, ekonomi dan politik dan semuanya sentiasa berkesalingan. Namun, sering kali ia mencapai kegagalan sebagaimana yang dipaparkan oleh Hardgrave (1994: 71-85) menerusi kajian kes ke atas demokrasi terbesar dunia, iaitu India. Malaysia sebagaimana India, ia juga adalah sebuah negara pengamal demokrasi yang berbilang kaum. Oleh itu, konflik, perpecahan dan persaingan dikenal pasti berpunca daripada agama yang tidak mampu bertoleransi terhadap hakikat pemerintahan oleh majoriti. Ia seolah menjelaskan bahawa konflik boleh dipendamkan untuk suatu jangka masa tertentu tetapi tidak berupaya dihapuskan.

Seiring dengan itu, kes Malaysia menunjukkan agama adalah punca kepada perpecahan. Ia menjelaskan tentang demokrasi yang membenarkan persaingan antara agama menerusi politik kepartian. Oleh itu institusi-institusi demokrasi kelihatan diperalatkan oleh agama untuk kepentingan politik masing-masing yang dikatakan sebagai politik perkauman. Apa yang jelas, agama ialah teras kesedaran tentang 'kita' dan 'mereka'. Ia juga boleh dikenal pasti sebagai sebuah ideologi yang memangkin syak wasangka dan ketidakpuasan hati. Dalam kata lain, ia menyedarkan manusia tentang perbezaan dan rasa terancam hanya kerana wujud perbezaan. Demikianlah agama yang merupakan sebuah ideologi yang tidak rasional yang menggalakkan perpecahan dalam sistem demokrasi.

4.0 AGAMA DAN GLOBALISASI

Globalisasi, dunia tanpa sempadan, dan pemikiran neo-liberalisme pada hari seakan meminggirkan kepentingan negara dan menafikan peranan negara bangsa dalam semua bidang kehidupan terutamanya ekonomi. Menerusi globalisasi, dunia pada hari ini dikatakan lebih berinteraksi,

lebih dekat antara satu sama lain. Masyarakat dunia yang rencam juga lebih berkongsi banyak persamaan berbanding perbezaan. Oleh itu, dunia juga dikatakan lebih seragam atau lebih homogen. Oleh yang demikian, hidup manusia tidak lagi berkisar di lingkungan negara dan negara-bangsa sahaja. Peranannya dikatakan mula diambil alih oleh sektor swasta dan organisasi-organisasi yang sama ada bersifat antarabangsa, transnasional, multi-nasional, malah ada juga yang bersifat supranasional.²

Dengan penghujahan di atas, maka lahir pandangan yang melihat negara-bangsa tidak lagi penting, kerana peranannya yang kian terhakis. Namun, wujud pandangan yang berlawanan. Penduduk dunia yang terdiri dari pelbagai kelompok dengan pelbagai pengenalan diri masih memerlukan negara dalam memelihara kepentingan baik dari sudut politik, ekonomi, malahan juga jati diri dan identiti. Pertambahan jumlah negara adalah bukti kukuh. Berpisahnya Montenegro dari Persekutuan Yugoslavia (Persekutuan Serbia-Montenegro) pada 2004 dan merdekanya Timor Leste dari Indonesia pada 2002 adalah contoh jelas. Kewujudan pelbagai gerakan yang sering dilabelkan sebagai, perjuangan kemerdekaan, pemisahan, yang menjadi masalah kepada banyak negara moden pada hari ini seakan menyatakan permintaan kepada kewujudan negara atau negara-bangsa masih lagi tinggi.

Proses penyeragaman dan penghomogenan dunia melalui proses globalisasi dan ledakan teknologi maklumat adalah suatu senario yang membawa bersama segala elemen. Ia sama ada positif atau negatif. Manusia, secara individu ataupun secara berkelompok boleh menerima sama ada untuk berada dalam arus globalisasi, menerimanya dengan skeptis, atau cuba menolaknya. Dalam konteks agama, reaksi paling menonjol adalah berkenaan dengan jati diri, identiti atau pengenalan diri. Sebagai contoh, proses penyeragaman lebih dilihat sebagai proses Ameriknisasi, 'Mcdonaldisation', penyebaran budaya pop dan

² Kesatuan Eropah (European Union) adalah satu-satunya organisasi antarabangsa yang bersifat supranasional. Ia adalah organisasi yang seakan memainkan peranan negara. Ia seakan punya kedaulatan sendiri yang diserahkan oleh negara-negara anggota kepadanya.

konsumerisme. Demikianlah apabila berlaku ancaman, manusia kembali melihat diri mereka, mungkin mencari rasa selamat menerusi agama, dan mencari nilai-nilai serta identiti yang dapat membezakan diri mereka dari yang lain. Dalam lain perkataan, kesedaran terhadap identiti dan jati diri semakin menebal ketika berlaku ancaman identiti oleh globalisasi.

Dalam hal ini, konflik etnik dan perjuangan pemisahan, serta tuntutan autonomi dan bernegara sendiri adalah suatu reaksi atau tindak balas kepada globalisasi. Sering kali ia dilabelkan dalam istilah etno-nasionalisme, iaitu gerakan memecah dalam sesebuah negara di mana agama sering memainkan peranan penting. Perjuangan Melayu Patani di selatan Thai, gerakan Bangsamoro di bahagian selatan Filipina, gerakan kemerdekaan Aceh, dan gerakan bernegara Kristian di Maluku di Indonesia adalah lima contoh perjuangan agama yang berusaha menubuhkan negara sendiri di rantau Asia Tenggara. China juga berhadapan dengan dua pergerakan untuk pembebasan Tibet dan juga wilayah Sinkiang³. Di Asia Barat pula, Turki dan Iraq berhadapan dengan hasrat bangsa Kurdis untuk membentuk Kurdistan. Di Asia Selatan pula, Tamil Eelam masih berjuang membebaskan diri dari Sri Lanka.

Dalam konteks Malaysia, tidak terdapat kes atau hasrat berpisah, namun wujud semacam kesedaran tentang kepentingan agama yang tinggi. Globalisasi meningkatkan kesedaran tentang identiti Islam di mana globalisasi dilihat sebagai ancaman. Manakala, dominasi Islam yang diiktiraf sebagai agama rasmi oleh perlembagaan Malaysia pula dilihat seolah meminggirkan pula agama-agama lain di Malaysia. Justeru, sebarang isu yang berkaitan agama ditangani dengan sangat berhati-hati agar tidak berlaku keresahan.

³ Wilayah Sinkiang atau Xinxiang pernah dikenali sebagai Republik Turkestan Timur, namun kemerdekaannya hanyalah seketika apabila ia diduduki oleh China. Majoriti penduduk adalah dari etnik Uighur dari rumpun bangsa-bangsa Turki yang juga bertutur dalam bahasa Turki dan beragama Islam.

5.0 PERMUAFAKATAN DAN PERKONGSIAN KUASA

Kedua-dua konsep permuafakatan dan perkongsian kuasa adalah dua konsep penting yang telah diamalkan oleh parti-parti politik. Hal ini penting kerana politik kepartian yang diasaskan bermula dengan Persekutuan Tanah Melayu dan seterusnya Malaysia adalah berasaskan kepada politik perkauman. Justeru politik permuafakatan (Lijphart 1968) dan perkongsian kuasa dikenal pasti telah berlangsung dan diamalkan dengan baik oleh Parti Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional (BN).

Persaingan politik Malaysia yang berasaskan perkauman berbanding ideologi memang serasi dengan amalan permuafakatan yang dimanifestasikan oleh persaingan kuasa. Amalan ini membolehkan setiap agama sama-sama berkongsi kuasa dan mempunyai hak dalam pemerintahan Malaysia. Hasilnya wujud sistem satu parti yang didominasi oleh Perikatan/BN. Formula permuafakatan membolehkan BN berkuasa lebih dari setengah abad kini. Adalah suatu fakta ia BN adalah contoh pertembungan agama yang dikendalikan dengan bijak. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) mewakili kepentingan Islam, Malaysian Chinese Association (MCA) pula memelihara agama dan budaya orang-orang Cina, manakala Malaysian Indian Congress (MIC) pula memperjuangkan hak-hak Hindu. Ciri paling menonjol dalam parti-parti ini ialah keahlian yang berasaskan kaum, di mana agama menjadi pra-syarat kepada definisi identiti kaum.

Selama lebih setengah abad juga, wujud parti pesaing seperti Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang dengan terang-terangan menjadikan agama sebagai agenda politik. Hal ini membolehkan PAS berterusan relevan dalam politik Malaysia biarpun mempunyai pasang surutnya. Ia membuktikan peranan agama yang besar dalam politik Malaysia. Namun, daya tarikan PAS lebih menumpu kepada orang-orang Melayu sahaja. Kerana kerencaman Malaysia, para sarjana dan ahli politik bersetuju bahawa hanya permuafakatan sahaja yang mampu menentukan kelangsungan sesebuah parti politik di Malaysia.

Peranan agama dalam politik Malaysia diperkukuhkan lagi oleh kenyataan tentang kewujudan parti-parti yang berasaskan ideologi. Democratic Action Party (DAP), Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan), Parti Progresif Penduduk (PPP) adalah antara parti yang boleh dijadikan contoh yang masing-masing adalah berasaskan ideologi dan membuka keahlian kepada semua tetapi menjadi perkauman kerana tekanan-tekanan persekitaran yang lebih mesra kaum atau agama. Menyorot sejarah, kebanyakan parti-parti yang multi-ras dan berasaskan ideologi tidak mampu bertahan lama dalam politik Malaysia. Antara contoh adalah Parti Negara (yang diasaskan oleh Dato' Onn Jaafar), begitu juga dengan Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) yang kemudiannya dikenali sebagai (Parti Rakyat Malaysia), dan seterusnya terpaksa bergabung dengan Parti KeAdilan Nasional (yang kini dikenali sebagai Parti KeAdilan Rakyat/PKR). Begitulah tekanan agama menerusi perkauman yang menentukan kelangsungan dan relevannya kewujudan sesebuah parti di Malaysia.

Peranan agama antara yang paling jelas ialah melihat kepada hubungan antara parti dalam politik Malaysia seperti hubungan antara DAP dan PAS malahan juga hubungan antara PAS dan UMNO. Agama memainkan peranan besar dalam hubungan yang berpasang surut ini. DAP didominasi oleh kaum Cina hingga pernah dilabel sebagai sebuah parti cauvinis Cina, manakala PAS didakwa sebuah parti fundamentalis/ekstremis Islam yang bercita-cita ingin menubuhkan sebuah Negara Islam di Malaysia. Apa yang jelas, Negara Islam adalah isu fokus dalam hubungan PAS-DAP. Dalam lain perkataan, ia berkenaan agama di mana ia menjelaskan sedikit sebanyak tentang hubungan antara Islam dan bukan Islam. Namun, disebabkan oleh kepentingan politik, di mana masing-masing memiliki seteru politik yang sama iaitu BN, maka mereka bekerjasama dalam gagasan Barisan Alternatif dan seterusnya Pakatan Rakyat. Dari sudut lain, ia membuktikan bagaimana permuafakatan adalah penting dalam politik Malaysia seperti telah lama diamalkan oleh BN. Menerusi Pakatan Rakyat yang memanifestasikan perkongsian kuasa

jelas menunjukkan kemampuan permuafakatan yang dapat menonjolkan sifat agama yang toleran dan menganjurkan kerjasama dan perpaduan.

6.0 KESIMPULAN

Di Malaysia, agama yang sepatutnya menyeru kepada perdamaian, berbaik sangka, toleransi, dan perpaduan seakan menjadi punca konflik dan persaingan hanya kerana perbezaan agama. Oleh yang demikian kedudukan agama dalam politik kepartian boleh dilihat sama ada sebagai alat ataupun matlamat. Namun, garis pemisah antaranya sangat sukar ditentukan. Dalam politik Malaysia, persaingan agama bukan hanya di antara Islam dan bukan Islam malahan ia menjadi persaingan dalam politik kepartian sebagaimana yang berlaku antara parti UMNO dan PAS. Hal ini menjelaskan peranan demokrasi yang membenarkan persaingan politik antara agama dan intra-agama.

Hal di atas dapat dikenal pasti sebagai kelemahan demokrasi. Ia memberi ruang kepada agama untuk berperanan dalam mempengaruhi kewujudan konflik antara kelompok. Di Malaysia agama berperanan besar dalam politik perkauman yang menjadi asas kepada kewujudan negara Malaysia itu sendiri. Ia adalah hasil pecah dan perintah oleh pentadbiran British yang melahirkan sebuah masyarakat majmuk yang kelompok-kelompok di dalamnya tidak berintegrasi hasil dari interaksi yang terbatas. Oleh itu, agama sebagai salah satu elemen primordial Geertz (1963) menjadi penentu kepada budaya politik kaum di Malaysia. Justeru, kaum dan agama tidak dapat dipisahkan. Ia dikuatkan lagi oleh Huntington (1997) yang menyatakan agama adalah asas kepada budaya yang menjadi teras kepada kewujudan sesebuah peradaban. Malah jika model pertembungan peradaban dioperasikan, Malaysia adalah tempat pertembungan empat buah peradaban dunia iaitu peradaban Islam, Sinik, Hindu dan Barat. Justeru, ia menjelaskan kedudukan agama dalam politik Malaysia.

Globalisasi juga dikenal pasti merangsang peranan agama dalam politik. Hal ini berikutan kekuatannya yang mampu menyeragamkan dunia. Ia

suatu fenomena yang mampu menghakis identiti bangsa, malah boleh menggugat keselamatan, kedaulatan dan kemerdekaan sesebuah bangsa, terutamanya bangsa yang merasakan dirinya berada di bawah dominasi dan hegemoni bangsa lain dalam sebuah negara yang sama. Oleh itu, agama dikenal pasti berupaya mengembalikan semula jati diri, identiti bangsa. Justeru, fundamentalisme dalam beragama dan rasa prasangka terhadap agama lain menjadi suatu lumrah di era ini.

Justeru, permuafakatan kelihatan menjadi jalan penyelesaian terbaik untuk menyerlahkan sifat agama yang menganjurkan kedamaian, toleransi dan kerjasama. Kelangsungan Barisan Nasional dan dominasinya sebagai parti pemerintah selama lebih dari setengah abad menjelaskan peranan politik permuafakan bagi meredakan peranan agama yang mampu memecahkan hanya disebabkan perbezaan.

Rujukan

- Alter, Peter. 1985. *Nationalism*. Terj. Edward Arnold. London: Great Britain.
- Anderson, Benedict. 1983. *Imagined communities: reflections on the origin and spread of nationalism*. London: Verso.
- Baradat, L. P. 2000. *Political ideologies: their origins and impact*. Ed. Ke-7. Upper Saddle River: Prentice-Hall.
- Buchanan, Allen. 1991. *Secession: the morality of political divorce from Fort Sumter to Lithuania and Quebec*. Boulder: Westview Press.
- Bugajski, J. 1994. The fate of minorities in Eastern Europe. Dlm. Larry Diamond & Marc F. Plattner (pnyt.). *Nationalism, ethnic conflict, and democracy*. Baltimore: Johns Hopkins University Press.
- Choudhury, G. W. 1993. *Islam and the modern Muslim world*. Buckhurst Hill: Scorpion Publishing.

- Canny, Nicholas. Dominant minorities: English settlers in Ireland and Virginia, 1550-1650. Dlm. A. C. Hepburn (pnyt.). *Minorities in history*. London: Edward Arnold Ltd.
- D'Alton, Ian. A contrast in crises: Southern Irish Protestantism, 1820-43 and 1885-1910. Dlm. A. C. Hepburn (pnyt.). *Minorities in history*. London: Edward Arnold Ltd.
- Emerson, Rupert. 1960. *From empire to nation: the rise to self-assertion of Asian and African peoples*. Boston: Beacon Press.
- Fukuyama, Francis. 1992. *The end of history and the last man*. Edisi 2006. New York: Free Press.
- Geertz, Clifford. 1963. Primordial sentiments and civil politics in the new states. Dlm. Clifford Geertz (pnyt.). *Old societies and new states*. Glencoe: Free Press.
- Hardgrave, Robert L. Jr. . 1994. India: the dilemmas of diversity. Dlm. Larry Diamond & Marc F. Plattner (pnyt.). *Nationalism, ethnic conflict, and democracy*. Baltimore: Johns Hopkins University Press.
- Harrison, K. & Boyd, T. 2003. *Understanding political ideas and movements*. Manchester: Manchester University Press.
- Hepburn, A. C. Catholics in the north of Ireland, 1850-1921: the urbanization of a minority. Dlm. A. C. Hepburn (pnyt.). *Minorities in history*. London: Edward Arnold Ltd.
- Hertz, Frederick. 1944. *Nationality in history and politics: a psychology and sociology of national sentiment and nationalism*. London: Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Heywood, Andrew. 1992. *Political ideologies: an introduction*. London: Macmillan Press.
- Hobsbawm, E. 1990. *Nations and nationalism since 1780*. Cambridge: Cambridge University Press.
- _____, Ranger, T. 1983. *The invention of tradition*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Horowitz, Donald L. *Ethnic groups in conflict*. Berkeley: University of California Press.

- Huntington, S. P. 1997. *The third wave: democratisation in the late twentieth century*. New York.
- _____. 1997. *The clash of civilizations and the remaking of world order*. New York: Touchstone Books.
- Hutchinson, John. 2005. *Nations as zones of conflict*. London: Sage Publications Ltd.
- Johnston, R. J., Knight, D. B. & Kofman, E. 1988. Nationalism, self-determination and the world political map: an introduction. Dlm. R.J. Johnston, David B. Knight & Eleanore Kofman (pnyt.). *Nationalism, self-determination and political geography*, hlm. 1-17. New York: Croom Helm.
- Ismail Hussein. 2001. Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan. Dlm. Ismail Hussein, Wan Hashim Wan Teh & Ghazalie Shafie (pnyt.). *Tamadun Melayu menyongsong abad kedua puluh satu*, hlm. 9-68. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kedouri, Elie. 1993. *Nationalism*. Ed. Ke-4. Oxford: Blackwell.
- Kellas, J. G. 1991. *The politics of nationalism and ethnicity*. Ed. Ke-2. New York: Palgrave Macmillan.
- Kingdom, John. 2003. *Government and politics in Britain: an introduction*. Ed. Ke-3. Oxford: Blackwell Publishing Ltd.
- _____. 1998. *The politics of nationalism and ethnicity: revised and updated*. Ed. Ke-2. New York: Palgrave Macmillan.
- Kohn, Hans. 1944. *The idea of nationalism: a study in its origins and background*. Collier Books.
- McCormick, John. 2001. Britain: changing yet steadfast. Dlm. Howard J. Wiarda (pnyt.). *European politics in the age of globalization*, hlm. 52-91. Orlando: Harcourt Inc.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2006. *Sejarah perjuangan Melayu Pattani: 1785-1954*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nodia, Ghia. 1994. Nationalism and democracy. Dlm. Larry Diamond & Marc F. Plattner, hlm. 3-22. (pnyt.). *Nationalism, ethnic conflict, and democracy*. Baltimore: Johns Hopkins University Press.

- O'Sullivan See, Katherine. 1980. The social origins of ethnic-national identities in Ireland and Canada. Dlm. Jacques Dofny & Akinsola Akiwowo (pnyt.). *National and ethnic movements, hlm. 107-129*. Beverly Hills: Sage Publications Inc.
- Roskin, M. G., Cord, R. L., Medeiros, J. A., Jones, W. S. 2000. *Political science: an introduction*. Ed. Ke-7. Upper Saddle River, New Jersey: Prentice-Hall.
- Sargent, L. T. 1990. *Contemporary political ideologies: a reader*. Belmont: Wadsworth Inc.
- Shamsul, A. B. 1996. The construction and transformation of a social identity: Malayness and Bumiputeraness re-examined. *Journal of Asian and African studies* 52.
- Sity Daud. 2004. Globalisasi dan negara pembangunan. *Akademika: Jurnal Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan*. Januari: 27-42.
- Smith, A. D. 1986. *The ethnic origins of nations*. Cambridge: Blackwell.
- Spencer, P., Wollman, H. 2002. *Nationalism: a critical introduction*. London: SAGE Publications Ltd.
- Van Der Wusten, H. 1988. The occurrence of successful and unsuccessful nationalisms. Dlm. R.J. Johnston, David B. Knight & Eleanore Kofman (pnyt.). *Nationalism, self-determination and political geography*, hlm. 1-17. New York: Croom Helm.
- Weber, M. 1948. The nation. Dlm. John Hutchison & Anthony D. Smith (pnyt.). *Nationalism*. Oxford: Oxford University Press. 21-5.